



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-40**

**LAPORAN PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA  
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT  
MS ISO/IEC 27001:2013**

**Tujuan**

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia Kali Ke-40 berkaitan laporan perubahan isu dalaman dan isu luaran yang memberi kesan terhadap pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 di UPM.

**Laporan Perubahan Isu Dalaman dan Isu Luaran Yang memberi Kesan Terhadap Pelaksanaan ISMS di UPM**

2. Laporan perubahan isu dalaman yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat merangkumi aspek perubahan yang dilihat dari segi penstrukturran organisasi, perubahan terhadap proses kerja melalui teknologi dan inovasi, pelan tindakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya yang memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan dan pencapaian universiti.

Bagi tahun 2018, salah satu isu dalaman yang memberi kesan terhadap pelaksanaan ISMS iaitu penggunaan kad maya Putra Virtual ID (Putra VID) sebagai identiti pengenalan pelajar menggantikan penggunaan kad pelajar sediaada. Cadangan penggunaan kad maya ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali ke-636 pada 27 Februari 2018.

Kad pengenalan identiti pelajar secara maya di atas talian dengan penggunaan satu aplikasi berasaskan persekitaran smartphone dan web, yang dilengkapi dengan sistem kawalan pengenalan identiti menggunakan teknologi **QRCode**. Ianya bertujuan untuk membantu pelajar untuk menguruskan pengenalan diri semasa berinteraksi dengan semua kemudahan kampus seperti capaian aplikasi ICT, penggunaan kemudahan infrastruktur, kehadiran, pembayaran, pengesahan warga universiti dan sebagainya.

Penggunaan kad-maya sebagai identiti pengenalan pelajar akan mendatangkan impak kepada perkhidmatan Universiti kepada pelajar dan pembangunan ICT universiti seperti berikut :

- (a) Menambah baik sistem pengenalan identiti pelajar UPM, dengan penggunaan teknologi pengenalan QRCode yang lebih selamat, cekap serta menjimatkan.
- (b) Mengelakkan pembaziran dan kesusahan kepada pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan universiti dengan peningkatan jumlah kehilangan kad pelajar setiap tahun.
- (c) Boleh mengelakkan kemungkinan kes kecurian identiti berlaku dengan senang apabila melibatkan kes kehilangan, kecurian dan penyalinan tidak sah kad pelajar sedia ada.
- (d) Proses pengenalan identiti oleh pelajar untuk semua urusan universiti akan menjadi lebih mudah dan dalam keadaan terkawal.
- (e) Melengkapkan kampus dengan satu kemudahan penting pengenalan identiti pelajar berkonsep teknologi Smartcampus yang menjadi setelah satu matlamat KPT kepada semua kampus UA.
- (f) Menjadi universiti pertama di Malaysia mempunyai kemudahan sistem pengenalan identiti berasaskan kad maya dengan teknologi QRCode.

3. Penggunaan Putra VID telah mula digunakan bagi pendaftaran pelajar baharu Program Asasi Pertanian pada 1 Jun 2018 dan juga untuk kemasukan pelajar baharu Prasiswa Zah Kampus Serdang dan Bintulu bagi sesi kemasukan 2018/2019.

### **Syor**

4. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia adalah dimohon untuk mengambil maklum perubahan isu dalaman berkaitan penggunaan kad maya yang telah dilaksanakan di UPM yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 bagi tahun 2018.